

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September
2011
2¼ jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK TAHUN 2011

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN MURID DALAM PELAJARAN



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Anda telah dipilih sebagai Tokoh Pelajar setelah anda berjaya memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan kepimpinan. Anda telah dijemput untuk menyampaikan ucapan dalam satu majlis meraikan kejayaan anda itu.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

- 2 Ibu bapa merupakan dua insan yang banyak berjasa bagi memastikan kejayaan anak-anak dalam kehidupan.

Huraikan langkah-langkah yang dapat diambil oleh anak-anak untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa mereka.

- 3 Dasar 1 Murid 1 Sukan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara untuk memastikan setiap murid melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Jelaskan faedah-faedah yang diperolehi oleh murid-murid apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

- 4 Masalah kemiskinan dan tahap pendidikan yang rendah masih membelenggu penduduk di beberapa buah negara di dunia.

Huraikan peranan negara-negara kaya di dunia untuk membantu negara tersebut.

- 5 Minat untuk membaca karya-karya sastera dalam kalangan rakyat negara ini makin berkurangan.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera.

KERTAS SOALAN TAMAT

Jabatan Pelajaran Perak
Peperiksaan Percubaan SPM 2011
Skema Bahasa Melayu Kertas 1

GARIS PANDUAN GURU

BAHAGIAN A

PERINGKAT	CIRI-CIRI KARANGAN
CEMERLANG 26 – 30 markah	<ul style="list-style-type: none">a. Isi relevan dengan tema bahan rangsangan.b. Huraian jelas dan matang.c. Penggunaan bahasa yang gramatis dari segi kosa kata dan ayat serta penggunaan tanda baca yang betul.d. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan penggunaan ungkapan yang menarik.
KEPUJIAN 20 – 25 markah	<ul style="list-style-type: none">a. Isi relevan dengan tema bahan rangsangan.b. Huraian jelas.c. Bahasa gramatis dari segi kosa kata dan ayat.d. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.
MEMUASKAN 15 – 19 markah	<ul style="list-style-type: none">a. Isi masih berkaitan dengan tema bahan rangsangan.b. Huraian masih jelas.c. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat.d. Unsur bahasa masih bervariasi.
KURANG MEMUASKAN 10 – 14 markah	<ul style="list-style-type: none">a. Isi kurang berkaitan dengan tema bahan rangsangan.b. Kurang kepelbagaian jenis ayat.c. Penggunaan kosa kata yang terhad/tidak tepat.d. Unsur bahasa kurang bervariasi.
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 09 markah	<ul style="list-style-type: none">a. Penguasaan kemahiran menulis lemah.b. Tidak memahami tema bahan rangsangan.

BAHAGIAN A

1. Tugas soal :

Murid dapat menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran.

2. Cadangan idea :

- a. Pembelajaran di bilik darjah
 - Tumpuan 100 peratus terhadap pengajaran guru
 - Bertanya/bersoal jawab dengan guru
 - Membuat latihan yang diberi oleh guru
- b. Program sekolah
 - Sekolah merancang program peningkatan akademik seperti teknik menjawab soalan, kelas tambahan, program motivasi dan seumpamanya.
- c. Kelas tuisyen:
 - Pembelajaran dan latihan tambahan agar lebih cemerlang
- d. Dorongan ibu bapa:
 - Pemberian ganjaran jika anak-anak memperoleh keputusan cemerlang
 - Memberi nasihat dan bimbingan
 - Memupuk keyakinan diri – boleh berjaya jika berusaha dengan gigih

3. Ungkapan menarik:

- a. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- b. Usaha tangga kejayaan
- c. Belakang parang jika diasah lagikan tajam.
- d. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

BAHAGIAN B

KATEGORI	KRITERIA
CEMERLANG 80 - 100	Isi - menepati kehendak soalan. Huraian sangat jelas dan matang. Contoh sesuai. Bahasa - lancar, terdapat kepelbagaian jenis ayat, terdapat keindahan bahasa, wacana lengkap, kosa kata sangat luas dan tepat. Pengolahan - sangat menarik/istimewa dan berkesan. Penggunaan tanda baca dan ejaan betul.
KEPUJIAN 66 – 79	Isi - menepati kehendak soalan. Huraian jelas. Contoh sesuai. Bahasa - lancar, terdapat kepelbagaian jenis ayat, terdapat keindahan bahasa, wacana lengkap, kosa kata luas dan tepat. Pengolahan - sangat menarik dan berkesan. Penggunaan tanda baca dan ejaan betul.
BAIK 51 – 65	Isi - masih menepati kehendak soalan. Huraian masih jelas. Contoh masih sesuai. Bahasa - masih lancar, masih terdapat kepelbagaian jenis ayat, terdapat keindahan bahasa, wacana masih lengkap, kosa kata masih luas dan tepat. Pengolahan - masih menarik. Penggunaan tanda baca dan ejaan masih betul.
MEMUASKAN 36 – 50	Isi - masih menepati kehendak soalan. Huraian kurang jelas. Contoh kurang sesuai. Bahasa - kurang lancar , kurang terdapat kepelbagaian jenis ayat, kurang terdapat keindahan bahasa, wacana kurang lengkap, kosa kata umum dan terhad. Pengolahan - kurang menarik. Penggunaan tanda baca dan ejaan masih betul.

<p>KURANG MEMUASKAN</p> <p>21 – 35</p>	<p>Isi - masih menepati kehendak soalan/bercampur aduk. Huraian tidak jelas/tidak berkembang. Contoh tidak sesuai.</p> <p>Bahasa - tidak lancar, tidak terdapat kepelbagaian jenis ayat, wacana tidak lengkap, kosa kata lemah dan terhad. Ayat masih boleh difahami.</p> <p>Pengolahan - tidak menarik.</p> <p>Kesalahan tanda baca dan ejaan ketara.</p> <p>.</p>
<p>TIDAK MEMUASKAN</p> <p>01 - 20</p>	<p>Isi - bercampur aduk dan huraian tidak jelas/kabur.</p> <p>Bahasa - sukar difahami.</p> <p>Pengolahan – lemah.</p> <p>Penggunaan tanda baca lemah.</p>

CATATAN :

1. Pemberian markah berdasarkan kesan keseluruhan karangan pelajar.
2. Penolakan markah ejaan - maksimum 3 markah
3. Penolakan markah format - maksimum 2 markah.
4. Berikan markah berdasarkan kriteria dan kemudian barulah tolak markah ejaan dan format.

Contoh :

K -	63
-E -	2
-F -	<u>1</u>
	60

BAHAGIAN B

- 1 Anda telah dipilih sebagai Tokoh Pelajar setelah anda berjaya memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan kepimpinan. Anda telah dijemput untuk menyampaikan ucapan dalam satu majlis meraikan kejayaan anda itu.

Tulis teks ucapan anda itu selengkapnya.

a) Tugasansoalan:

Murid dapat menyediakan teks ucapan tentang kecemerlangan yang dicapai dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan kepimpinan.

b) Format :

Tolak 2 markah jika tiada :

- Menghadap majlis – 1 markah
 - Tuan dan puan (sekurang-kurang sekali di tengah-tengah antara perenggan) – 1 markah
 - Penutup – 1 markah
- (Maksimum penolakan markah – 2markah)

c) Cadangan Idea :

- Kurikulum :
 - i. Cemerlang dalam peperiksaan / ujian dalaman
 - ii. Cemerlang (Gred A) semua mata pelajaran dalam semua peperiksaan awam
- Kokurikulum :
 - i. Sukan – menunjukkan kecemerlangan ketika menyertai acara sukan di semua peringkat yang diwakilinya
 - ii. Kelab/persatuan – menjadi pengerusi di peringkat sekolah
 - iii. Unit uniform – mewakili sekolah ke peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- Sahsiah :
 - i. Menerima anugerah ‘Pekerti Terpilih’
- Kepemimpinan :
 - i. Menjawat jawatan Ketua Pengawas sekolah
 - ii. Berjaya memimpin pasukan Kadet Polis dalam pertandingan kawad kaki di peringkat kebangsaan.

- 2 Ibu bapa merupakan dua insan yang banyak berjasa bagi memastikan kejayaan anak-anak dalam kehidupan.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh anak-anak untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa mereka.

- a) Tugas soal :

Murid dapat menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh anak-anak untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa.

- b) Format - Tiada

- c) Cadangan Idea :

- i. Menyediakan tempat tinggal yang selesa
- ii. Memberi bantuan kewangan pada setiap bulan
- iii. Membawa ibu bapa melancong / Mengerjakan Fardu Haji
- iv. Meraikan ulang tahun kelahiran / perkahwinan
- v. Membiayai kos rawatan ibu bapa

- 3 Dasar 1 Murid 1 Sukan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara untuk memastikan setiap murid melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh oleh murid-murid apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

- a) Tugas soal :

Murid dapat menjelaskan faedah-faedah yang diperoleh oleh mereka apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

- b) Format – Tiada

- c) Cadangan Idea :

- i. Membentuk disiplin diri
- ii. Mengeratkan perpaduan
- iii. Menyihatkan tubuh badan

- iv. Menyemai semangat kepimpinan
- v. Memupuk semangat kekitaan / berpasukan
- vi. Mengelak daripada terlibat dalam gejala sosial
- vii. Sukan sebagai kerjaya pada masa depan

4 Masalah kemiskinan dan tahap pendidikan yang rendah masih membelenggu penduduk di beberapa negara di dunia.

Huraikan peranan negara-negara di dunia untuk membantu negara-negara tersebut.

a) Tugas soal

Murid dapat menghuraikan peranan negara-negara di dunia untuk membantu menangani masalah kemiskinan dan tahap pendidikan yang rendah.

b) Format – tiada

c) Cadangan Idea :

i. Kemiskinan :

- a. Menyalur bantuan makanan dan perubatan
- b. Menghulur bantuan kewangan
- c. Membina petempatan baru/baik pulih yang rosak
- d. Mengambil anak yatim sebagai anak angkat
- e. Melabur dalam sektor perindustrian, hartanah di negara tersebut

ii. Pendidikan :

- a. Memberi biasiswa
- b. Latihankemahiran
- c. Menghantar tenaga pengajar terlatih – memberi bimbingan
- d. Menyediakan peralatan pengajaran yang terkini

- 5 Minat untuk membaca karya-karya sastera dalam kalangan rakyat negara ini semakin berkurangan.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera.

- a) Tugas soal:

Murid dapat membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera.

- b) Format – Tiada

- c) Cadangan Idea :

- i. Ibu bapa
 - Membaca karya sastera bersama-sama anak-anak
 - Menghadihkan buku-buku berunsur sastera sempena kejayaan anak-anak.
- ii. Sekolah
 - Mengadakan pertandingan mengulas karya-karya sastera
 - Membanyakkan buku-buku karya sastera di Pusat Sumber Sekolah
- iii. Media Massa
 - Menyiarkan ulasan/ kritikan hasil karya sastera
 - Menyiarkan cerpen/sudut sastera di akhbar
 - Menganjur peraduan menulis cerpen/sajak/syair
- iv. Kerajaan
 - Membina perpustakaan desa di setiap daerah
 - Menurunkan kadar cukai penerbitan karya sastera – agar harga buku dapat diturunkan
 - DBP menganjurkan kursus-kursus penulisan kreatif.
- v. NGO (Persatuan Penulis dan peminat sastera) menganjurkan aktiviti berunsur sastera- sayembara puisi.

SULIT

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2011
2½ jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK TAHUN 2011

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara mengelakkan individu daripada keracunan makanan dan kepentingan makanan yang bersih kepada keluarga.** Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Pelbagai pihak menyuarakan rasa kebimbangan terhadap kejadian keracunan makanan yang berlaku di restoran atau di kantin sekolah sejak akhir-akhir ini. Apabila berlaku keracunan makanan, kes ini sering dikaitkan dengan sikap tidak mengambil berat akan kebersihan makanan. Aspek kebersihan perlu diberi perhatian bagi mengelakkan berlakunya pencemaran makanan. Kebersihan yang dimaksudkan bukan sahaja pada makanan yang disajikan di atas meja, tetapi juga di persekitaran dapur. Kita perlu memastikan sinki sentiasa bersih bagi mengelakkan bakteria membiak pada lubang sinki tersebut. Sekiranya kita membawa ahli keluarga menikmati makanan di mana-mana restoran, kita wajar meninjau ruang dapur sama ada bersih atau pun tidak.

Berdasarkan kajian dan laporan makmal, keracunan makanan berlaku akibat jangkitan bakteria, protozoa, penggunaan racun serangga kepada sayuran dan buah-buahan yang berlebihan; virus daripada kulat yang membiak pada makanan dan penggunaan bahan kimia. Kementerian Kesihatan mewajibkan pengendali makanan berada dalam keadaan yang sihat. Di samping itu, mereka perlu mengambil suntikan bagi menghindari penyakit berjangkit. Malangnya, kebanyakan daripada mereka tidak mementingkan kualiti kebersihan diri dan kita sebagai pelanggan tidak pernah menegur pengendali makanan yang tidak peka terhadap nilai kebersihan itu sendiri. Mereka sewajarnya membasuh tangan, memakai apron dan penutup kepala supaya tidak *menimbulkan keraguan* kepada pengunjung ketika pengendali makanan menyediakan makanan. Sesetengah pengendali makanan mengabaikan penutupan makanan. Sepatutnya, setiap makanan hendaklah ditutup supaya tidak terdedah kepada habuk yang menjadi punca pembiakan kuman. Penyedia makanan juga tidak mengambil berat terhadap kebersihan peralatan memasak sedangkan semua peralatan memasak seharusnya, dicuci dengan air panas bersabun sebelum dan selepas penyediaan makan. Pengabaian aspek ini akan mengundang lalat atau serangga memakan sisa-sisa makanan yang ada pada peralatan tersebut.

Selain itu, kita perlu merancang penyimpanan stok makanan mengikut keperluan. Jika membeli daging sebanyak 3 kilogram dan keperluan memasak cuma 1 kilogram, daging selebihnya dibungkus dan disimpan kembali di dalam peti sejuk. Dengan kaedah ini, makanan akan lebih segar, bersih dan bebas daripada jangkitan kuman. Sebelum dimasak, daging daripada peti sejuk perlu dinyahbekukan pada suhu tidak melebihi dua jam di dalam ketuhar gelombang mikro. Elakkan daripada menyimpan daging yang sudah dinyah beku kerana bakteria sudah menapak di dalam daging tersebut. Pada hakikatnya memang sukar untuk membezakan makanan yang telah dicemari atau tidak. Hanya cara pengendalian makanan yang menentukan kebersihan makanan tersebut. Sesungguhnya, setiap individu perlulah berhati-hati ketika mengendalikan makanan yang bersih untuk menjamin kesejahteraan hidup.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Pengendalian Makanan Bersih Elak Jangkitan Bakteria'
oleh Sidang Pengarang,
Pengguna, Ogos 2009)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menimbulkan keraguan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keracunan makanan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang dapat anda lakukan untuk membantu seseorang yang mengalami keracunan makanan? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ONN:

Itu saya tahu Fatimah, janganlah kamu ingkar
Berikan saja surat ini janganlah kamu gentar
Kalau dia bertanya, katakan saya yang hantar
Saya tak peduli pegawai Inggeris, menteri atau orang besar.

FATIMAH mengambil surat itu dan pergi. KORUS masuk lalu menyanyi dan menari beramai-ramai.

KORUS:

Kita harus berterus terang
Itu tanda seorang pahlawan
Jangan gentar buktikan kebenaran
Barulah kita anak jantan.

ONN menyanyi.

ONN:

Anak Melayu mesti berani
Tunjukkan sikap berjiwa murni
Menegur bukan erti melawan
Kita sekadar berterus terang.

D.J. CAMPBELL dan MAXWELL masuk.

D.J. CAMPBELL: Onn, saya mahu jumpa awak sekejap. Apa ini surat yang awak tulis kepada kami? Awak sudah menentang pentadbiran British.

Masuk lagu 15. ONN menyanyi.

ONN:

Apa kamu kata, saya melawan?
Surat itu hanya sebagai penerangan
Saya bukan bekerja dengan tuan
Saya rakyat baginda Sultan.

ONN dan KORUS:

Anak negeri patut diberi
Hak untuk bersuara
Jangan ditindas sesuka hati
Marah kami membara.

Sudah sampai saat ketika
Kamu lepaskan kuasa
Negeri ini patut diperintah
Dengan bebas merdeka.

(Dipetik daripada
drama 'Dato' Onn'
oleh Othman Haji Zainuddin
dalam Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan penjelasan yang diberikan oleh Onn kepada D.J. Campbell tentang surat yang diberikannya. [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang warganegara, kemukakan cadangan-cadangan anda untuk mengekalkan kemerdekaan negara. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mahu tak mahu terpaksa Tuanku Nakhoda Tua berangkat sendiri ke jubungan seraya bertitah, "Wahai anakanda, janganlah berkecil hati dengan perbuatan ayahanda, kerana ayahanda ini sudah tua: penglihatan sudah kabur, pendengaran pun sudah kurang, haram ayahanda tidak mengetahui bahawa rupanya anakandalah yang telah memelihara geliung ini seisi-isinya!"

"Ampun Tuanku, titah Tuanku itu adalah benar, tetapi patik adalah menumpang teduh di dalam geliung ini saja, patik telah berhutang dan patik belum pun melunaskannya lagi."

Tuanku Nakhoda Tua memimpin tangan Awang Sulung lalu dibawanya ke depan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, puterinya. "Anakanda Dayang, siapakah sebenarnya yang telah memelihara geliung ini daripada serangan Tuan Puteri Dayang Nuramah dan bajak-bajak laut tempoh hari?"

"Dialah ayahanda, orang yang kita cari selama ini sejak kita meninggalkan Semarang, Tanah Jawa. Dialah yang bernama Awang Sulung Merah Muda."

Kemudian Tuanku Nakhoda Tua segera menitahkan Mualim Cik Mas membacakan khutbah nikah kerana mengahwinkan Awang Sulung Merah Muda dengan puterinya. Jurumudi yang telah melarikan diri terus memegang kemudi dengan hati yang marah bercampur malu.

(Dipetik daripada
Pelayaran yang Penuh Peristiwa'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan pertolongan yang telah diberikan oleh Awang Sulung kepada Tuanku Nakhoda Tua. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Tuanku Nakhoda Tua meminta Awang Sulung supaya tidak berkecil hati terhadap baginda? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, selain mengahwinkan Awang Sulung dengan puterinya, apakah cara-cara lain yang boleh dilakukan oleh Tuanku Nakhoda Tua untuk membalas jasa Awang Sulung? [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) lebih kurang
- (ii) baik buruk
- (iii) tinggi rendah
- (iv) susah senang
- (v) tua muda
- (vi) maju mundur

[6 markah]

(b) *Tukar ayat susunan biasa yang berikut kepada ayat bersusunan songsang.*

- (i) Ingatan Pak Hamid yang berusia 80 tahun itu masih kuat.
- (ii) Kehebatan pemedato itu terletak pada kekuatan hujahnya.
- (iii) Zaid telah ditukarkan ke ibu pejabat sebagai langkah penstrukturan syarikat itu semula.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hubungan silaturrahim sesama jiran tetangga perlu erat untuk menjamin keharmonian hidup bermasyarakat.
- (ii) Anak-anak dilarang melakukan perkara yang boleh mencemari nama baik ibu bapa supaya perasaan mereka tidak terpurus.
- (iii) Syarikat binaan milik rakyat setempat mempunyai kepakaran dalam pemasangan syiling rumah.

[6 markah]

(d) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Sektor pelancongan di negara kita berkebolehan untuk mencapai kemajuan yang setanding dengan negara-negara maju dalam dunia. Hasrat ini dapat direalisasikan jika prasarana dengan secukupnya disediakan dan sentiasa dalam keadaan elok. Tidak dapat dinafikan juga bahawa layanan yang mesra dan menyenangkan akan memanggil lebih ramai pelancong demi berkunjung ke negara ini.

[6 markah]

- (e) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.
- (i) Dato' Rashid mengharapkan para pekerjaanya dapat bekerja secara proaktif tanpa perlu disuruh. Dengan kata lain, Dato' Rashid tidak mahu para pekerjaanya bersikap seperti
.....
 - (ii) Sebagai seorang pelajar yang sedang menuntut di luar negara, Amin sentiasa mematuhi peraturan dan adat resam di tempat orang kerana
.....
 - (iii) Pihak polis menasihati orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan skim cepat kaya. Hal ini kerana kebanyakan mangsa membuat laporan polis setelah terperangkap dengan skim ini. Keadaan ini tidak berguna lagi kerana sikap sedemikian sama seperti kata peribahasa ...
.....
- [6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusuf
- (ii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid

(a) Terdapat pelbagai peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel. Huraikan **dua peristiwa** yang menarik dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan persoalan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

**Jabatan Pelajaran Perak
Peperiksaan Percubaan SPM 2011
Skema Bahasa Melayu Kertas 2**

PANDUAN PEMARKAHAN

Soalan 1

Markah penuh 30:

1. Isi - 20 markah
2. Bahasa - 10 markah

(a) Isi – 20 markah

(b) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- Nama khas
- Perkataan berulang
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Peribahasa
- Kata ganda

(c) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa

(d) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(e) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(f) Pemberian markah:

Pendahuluan	2
Isi Tesurat	12
Isi Tersirat	4
Kesimpulan	2
JUMLAH	20

Isi	20
Bahasa	10
JUMLAH	30

- ***Bahasa baik / cemerlang*** = separuh markah isi + 1
- ***Bahasa Biasa*** = Separuh markah isi
- ***Bahasa Lemah (ada kelemahan)*** = separuh markah isi - 1
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

SKEMA PEMARKAHAN		
Rumusan		
Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]		
	Petikan membincangkan usaha-usaha/ langkah-langkah/ kaedah-kaedah/ tindakan-tindakan mengelakkan individu daripada keracunan makanan.	2m
	Petikan membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha mengelakkan keracunan makanan.	1m
	Petikan membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha mengelakkan keracunan	0m
Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)		Markah
S1	memastikan sinki sentiasa bersih	2m
S2	meninjau ruang dapur sama ada bersih atau pun tidak	2m
S3	mewajibkan pengendali makanan berada dalam keadaan yang sihat	2m
S4	pengendali makanan perlu mengambil suntikan	2m
S5	pengendali makanan membasuh tangan, memakai apron dan penutup kepala [<i>*terima dua aspek = 2m</i>] [<i>1 aspek = 1m</i>]	2m
S6	setiap makanan hendaklah ditutup	2m
S7	semua peralatan memasak seharusnya dicuci dengan air panas bersabun	2m
S8	daging daripada peti sejuk perlu dinyahbekukan pada suhu tidak melebihi dua jam	2m
S9	elakkan menyimpan daging yang sudah dinyahbekukan	2m

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)		Markah
T1	dapat melahirkan individu yang sihat / dapat menjamin tahap kesihatan	2m
T2	dapat mengamalkan gaya hidup sihat	2m
T3	dapat menikmati kehidupan yang berkualiti	2m
T4	dapat mengekalkan khasiat makanan	2m
T5	dapat mengelakkan risiko penyakit	2m
T6	makanan tersebut selamat dimakan	2m
T7	dapat mengekalkan imuniti/ daya tahan tubuh badan	2m
Kesimpulan		
Kesimpulannya, setiap individu harus memberi perhatian tentang kebersihan makanan supaya keracunan makanan dapat dielakkan.		2m
Kesimpulannya, setiap individu harus menjaga kebersihan makanan.		1m

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

**Pemahaman
Petikan Umum**

i. Maksud rangkai kata

- mencetuskan/melahirkan rasa curiga/rasa was-was/kesangsian 2m
- mencetuskan/melahirkan keraguan 1m

ii. Faktor-faktor

- P1- penggunaan racun serangga
- P2- daripada jangkitan bakteria dan protozoa
- P3- virus daripada kulat yang membiak
- P4- penggunaan bahan kimia

**(2 isi cukup)
[Maksimum 3 markah]**

iii. Langkah-langkah membantu

- P1- menghubungi ambulans
- P2- menghantar mangsa ke hospital/klinik
- P3- merehatkan/ menenangkan pesakit
- P4- memberikan susu atau air biasa
- P5- memberikan bantuan kecemasan/ membuatkan mangsa muntah
- P6- memberikan campuran arang teraktif dengan sedikit air
- P7- tidak memberikan makanan berat (makanan padat)

**(3 isi cukup)
[Maksimum 4 markah]**

Soalan 2 (b) Petikan Drama

- (i) Kandungan surat yang ditulis oleh Onn kepada D.J. Campbell ialah:

- P1- sebagai penerangan kepada Inggeris bahawa beliau bukan bekerja dengan Inggeris
- P2- beliau ialah rakyat baginda Sultan
- P3- anak negeri/rakyat patut diberi hak bersuara
- P4- anak negeri/rakyat tidak boleh ditindas sesuka hati kerana kemarahan mereka boleh memuncak
- P5- meminta Inggeris melepaskan kuasanya/berundur
- P6- negeri ini patut diperintah dengan bebas dan merdeka

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Sebagai seorang warganegara, cadangan saya untuk mengekalkan kemerdekaan negara ialah:

- P1- taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap negara / para pemimpin
- P2- berusaha mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat
- P3- sanggup berkorban demi negara
- P4- sedia mempertahankan negara daripada sebarang bentuk ancaman
- P5- menjalinkan hubungan baik dengan negara jiran/semua negara
- P6- melengkapkan golongan remaja/belia dengan latihan ketenteraan

(2 isi cukup)

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) **Satu** persoalan dalam petikan drama di atas ialah:

- P1- Ketegasan pendirian. Buktinya, Onn dengan tegas meminta Fatimah menghantar surat kepada Inggeris dan jangan ingkar [1+1]
- P2- Patriotisme atau cinta akan bangsa dan negara. Buktinya, Onn menyeru rakyat agar berani menentang penjajahan [1+1]
- P3- Keberanian menentang/mengkritik Inggeris. Buktinya, Onn berani menulis surat kepada ketuanya, D.J. Campbell supaya orang Inggeris berundur dari sini/ supaya bangsa Melayu tidak ditindas [1+1]

[Maksimum : 2 markah]

Satu persoalan lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah:

- P1- Kesedaran untuk membangkitkan semangat rakyat. Buktinya, Dato' Onn melalui akhbar Warta Malaya cuba membangkitkan kesedaran orang ramai untuk menentang penjajah [1+1]
- P2- Ketabahan menghadapi dugaan. Buktinya, Dato' Onn tabah menjalani kehidupan sebagai nelayan selepas dibuang kerja sebagai Pegawai Pemungut Cukai [1+1]
- P3- Persengketaan antara kaum tidak membawa kebaikan. Buktinya, persengketaan antara Melayu dengan Cina hanya merugikan negara dan menyulitkan usaha untuk mencapai kemerdekaan [1+1]
- P4- Mempertahankan hubungan kekeluargaan. Buktinya, Onn berkahwin [1+1]

dengan Halimah, balu adiknya bagi memastikan hubungan kekeluargaan tidak terputus

[1+1]

P6- Keberanian seorang pemimpin mempertahankan tanah air. Onn sering menentang ketuanya, Maxwell dan Campbell yang berlagak seolah-olah negeri Johor kepunyaan mereka

[1+1]

P7- Ideologi Komunis yang menggugat ketenteraman Tanah Melayu. Contohnya, MPAJA mahu merealisasikan sosialisme yang menyamaratakan semua orang tetapi ditentang oleh orang Melayu seperti Kiyai Salleh dan Jamil Markom

[1+1]

P8- Ingin membangunkan bangsa. Mereka harus berilmu agar kemunduran orang Melayu dapat diatasi

[1+1]

P9- Taat setia kepada negara. Onn menolak cadangan Tengku Bakar untuk menyelamatkan diri ke India kerana hidup matinya mahu bersama-sama rakyat di Johor sahaja

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2(c) - Prosa Klasik

- (i) Pertolongan yang telah diberikan oleh Awang Sulung kepada Tuanku ialah:

P1- memelihara geliung dan isi-isinya

P2- memelihara geliung daripada serangan Tuan Puteri Dayang Nuramah

P3- memelihara geliung daripada serangan bajak-bajak laut

[maksimum 2 markah]

- (ii) Tuanku Nakhoda Tua meminta Awang Sulung supaya tidak berkecil hati terhadap baginda kerana:

P1- Baginda sudah tua

P2 - Penglihatannya sudah kabur

P3 - Pendengarannya sudah kurang

P4- Baginda tidak mengetahui bahawa Awang Sulung yang telah menyelamatkan mereka

(2 isi cukup)

[Maksimum : 3 markah]

- ((iii) Pada pandangan saya, selain mengahwinkan Awang Sulung dengan puterinya, cara Tuanku Nakhoda Tua membalas jasa Awang Sulung ialah:

- P1- mengurniakan/menaikkan pangkat/jawatan/pingat/gelaran kepada Awang Sulung
 P2- memberikan jawatan/ melantik Awang Sulung sebagai pengganti baginda
 P3- menganugerahkan gelaran
 P4 – memberikan pingat
 P5- memberi sebahagian negeri jajahan baginda untuk ditadbir oleh Awang Sulung
 P6- memberi hadiah dalam bentuk wang ringgit/emas/rumah/istana

(2 isi cukup)
[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) Sajak

- (i) Maksud piala remajamu dalam rangkap kedua ialah:
- kejayaan/kemerlangan/kegemilangan ketika usia muda seseorang 2m
 - kejayaan ketika remaja 1m
- [Maksimum : 2 markah]**
- ii) Pada pandangan saya, mengapakah usia remaja sangat berharga pada seseorang:
- P1- mempunyai tubuh badan yang sihat
 P2- mempunyai fikiran yang cergas
 P3- mempunyai fizikal yang kuat dan bertenaga
 P4- mempunyai masa yang sesuai untuk menuntut ilmu
 P5- mempunyai masa yang sesuai untuk menyumbang tenaga
- (2 isi cukup)**
[Maksimum : 3 markah]
- (iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak ialah:
- P1- Remaja harus menghargai zaman remajanya **agar** tidak melakukan perkara yang sia-sia [1 + 1]
 P2- Kita janganlah mengisi usia remaja dengan perkara-perkara yang melalaikan/sia-sia **agar** hidup lebih bermakna [1 + 1]
 P3- Kita hendaklah mempunyai pendirian hidup **agar** sentiasa dihormati. [1 + 1]
 P4- Setiap remaja perlu memiliki sifat-sifat keberanian **agar** mampu

- menghadapi cabaran hidup [1 + 1]
- P5- Kita hendaklah menjadi insan yang berilmu **agar** menjadi insan yang berguna. [1 + 1]
- P6- Setiap remaja perlu mempunyai hala tuju/matlamat hidup **agar** masa depannya terjamin [1+`1]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
 Soalan 3(b) : 6 markah
 Soalan 3(c) : 6 markah
 Soalan 3(d) : 6 markah
 Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah pada ayat tersebut.

Jawapan 3(a)

Contoh ayat:

- (i) Jumlah penonton yang hadir di stadium itu **lebih kurang** 1000 orang.
- (ii) Saya telah mengetahui segala **baik buruk** perangai Ahmad kerana saya telah berkawan dengannya selama 20 tahun.
- (iii) **Tinggi rendah** kawasan tanah pertanian itu perlu diambil kira sebelum membina batas untuk menanam sayur-sayuran.
- (iv) Isteri yang setia, sanggup mengharungi **susah senang** hidup bersama dengan suaminya.

- (v) Rakyat Jepun tidak kira **tua muda** turut membantu menyelamatkan mangsa gempa bumi itu.
- (vi) **Maju mundur** sesebuah organisasi banyak bergantung pada kredibiliti pemimpinnya.

[6 markah]

Soalan 3b

- (i) Masih kuat ingatan Pak Hamid yang berusia 80 tahun itu.
- (ii) a. Terletak pada kekuatan hujahnya kehebatan pemidato itu.
b. Terletak kehebatan pemidato itu pada kekuatan hujahnya.
- (iii) a. Telah ditukarkan Zaid ke ibu pejabat sebagai langkah penstrukturan syarikat itu semula.
b. Telah ditukarkan ke ibu pejabat Zaid sebagai langkah penstrukturan syarikat itu semula.
c. Sebagai langkah penstrukturan syarikat itu semula telah ditukarkan ke ibu pejabat Zaid.
d. Sebagai langkah penstrukturan syarikat itu semula telah ditukarkan Zaid ke ibu pejabat.

[6 markah]

Soalan 3c

- (i) Kesalahan ejaan : silaturrahim - silaturahim
Kesalahan imbuhan : menjaminkan - menjamin
- (ii) Kesalahan ejaan : terguris - tergores
Kesalahan imbuhan : mencemari - mencemarkan
- (iii) Kesalahan ejaan : syiling - siling
Kesalahan imbuhan : setempat - tempatan

[6 markah]

Soalan 3d**Kesalahan kata**

- berkebolehan – berupaya / berkemampuan
elok – sempurna / baik
memanggil – menarik/memikat

Kesalahan tatabahasa

- dalam dunia – di dunia
dengan secukupnya disediakan – disediakan dengan secukupnya
demi - untuk / supaya / agar

[6 markah]

Soalan 3e

- (i) seperti pahat dengan penukul
- (ii) di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung / masuk kandang kambing mengembek masuk kandang kerbau menguak
- (iii) sudah terhantuk baru tengadah

[6 markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian
- iv) Beri 1 markah bagi peristiwa tanpa huraian
- v) Beri 0 markah bagi huraian tanpa peristiwa
- vi) Markah isi maksimum 4 markah
- vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- x) Jika calon tidak menjawab, beri 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 2 markah bagi setiap pernyataan dan huraian/ccontoh
- iv) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan tanpa huraian
- v) Markah isi maksimum 6 markah
- vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- viii) Jika calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

4a) **Peristiwa yang menarik dalam novel**

Berdasarkan novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah

1. Peristiwa Azfa Hanani ditawarkan oleh Abang Mazran dan Kak Finaz untuk menyamar sebagai Tengku Murni.

Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani **tidak perlu risau lagi** memikirkan kepayahannya untuk meneruskan pelajaran dan dalam masa yang sama Abang Mazran berjanji untuk membantu mengubati Zuraini, anak pak longnya yang lumpuh.

2. Peristiwa Datin Maziah menghalau Azfa Hanani dari rumahnya selepas identiti sebenarnya terbongkar.

Peristiwa ini menarik kerana telah dapat membongkar rahsia tentang Datuk Tengku Makmur yang bertanggungjawab menyebabkan kedua-dua ibu bapa Azfa Hanani meninggal dunia dalam kemalangan.

3. Peristiwa Azfa Hanani menolak pelawaan Iskandar untuk membonceng motosikal berkuasa tingginya.

Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani merupakan seorang gadis yang tahu menjaga maruah dirinya, tambahan pula dia tidak mengenali Iskandar.

4. Peristiwa Azfa Hanani bertengkar dengan Abang Muzaffar yang melarangnya berkawan dengan Ekran.

Peristiwa ini menarik kerana tanpa memikirkan kedudukan Tengku Muzaffar, Azfa Hanani berani bertengkar dengannya semata-mata ingin menegakkan kebenaran.

5. Peristiwa Azfa Hanani membaca diari Tengku Murni kerana ingin mencari nama yang telah terpadam yang mempunyai hubungan dengan Tengku Murni.

Peristiwa ini menarik kerana menunjukkan kebijaksanaan Azfa Hanani merungkai misteri orang yang menghalang hubungan Ekran dengan Tengku Murni..

6. Peristiwa Azfa Hanani menerima pelawaan menggantikan Ellina untuk menjadi pengerusi Forum Remaja.

Peristiwa ini menarik kerana melalui program Forum Remaja ini telah dapat menonjolkan bakat Azfa Hanani sebagai merupakan seorang pelajar yang berbakat dan petah berbicara.

7. Menolak tawaran Laili untuk menjadi pengacara malam Bakat Sumbangsih.

Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani pandai menilai kawan yang baik atau tidak.

8. Peristiwa Kunjungan Datin Maziah ke rumah pak long.

Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani tidak menyimpan dendam terhadap Datuk Tengku Makmur yang menyebabkan kematian ibu bapanya dan Datin Maziah yang menampar muka dan menghina dia malah dia memaafkan mereka berdua.

9. Peristiwa Azfa Hanani yang terpaksa berulang-alik ke sekolah dengan menaiki bas sejauh 30 kilometer sehari.

Peristiwa ini menarik kerana Azfa Hanani seorang pelajar yang gigih dan tabah menuntut ilmu.

10. Peristiwa Azfa Hanani pergi melihat Ekran berniaga menjual burger berhampiran Plaza Cahaya.

Peristiwa ini menarik kerana Ekran merupakan contoh anak muda yang berdikari dalam kehidupannya. Selain memperoleh pengalaman, penjualan burger ini juga dapat menambah pendapatan sampingan kepadanya.

(a) **Peristiwa paling menarik** dalam novel

Berdasarkan novel Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir

1. Peristiwa Amira tergelincir di Air Terjun Angin lalu hanyut dibawa arus sungai yang deras dan diselamatkan oleh Itai.

Peristiwa ini menarik kerana menunjukkan kebaikan orang asli suku Semai menyelamatkan seorang gadis seperti Amira.

2. Peristiwa Itai mengetahui Tau bapanya

Peristiwa ini menarik kerana Itai menganggap Tau bapa saudaranya tetapi sebenarnya Tau ialah bapa kandungnya sendiri.

3. Peristiwa Amira memberi seketul emas kepada Jacinta

Peristiwa ini menarik kerana memaparkan semangat setia kawan Amira yang ingin menggemirakan sahabatnya.

4. Peristiwa Jidin menjaga Samantha setelah bapanya Ridley dan ibunya Brenda terkorban dalam nahas kapal terbang.

Peristiwa ini menarik kerana ketabahan Jidin yang sanggup memelihara Samantha walaupun mendapat tentangan daripada kaumnya.

5. Peristiwa Tau mengaku bahawa makhluk berbulu itu ialah dirinya yang sebenar.

Peristiwa ini menarik kerana pembaca akhirnya tahu siapa sebenarnya makhluk misteri yang ditakuti oleh masyarakat di Bukit Mat Raya.

6. **Peristiwa Malique ingin terus tinggal di dalam hutan dan enggan mengikuti ibunya Jennifer.**
Peristiwa ini menarik kerana Malique ingin bersama Itai, adik kandungnya dan Tau bapanya sanggup meninggalkan kemewahan untuk tinggal di dalam hutan tersebut.
7. **Peristiwa Amira memulangkan ketulan emas yang diberi oleh Itai.**
Peristiwa ini menarik kerana Amira jujur dan ikhlas. Dia telah memulangkan seketul emas yang diambil dari sungai kepada Ludin kerana dia tidak mahu kepercayaan penduduk kampung terhadap Itai tercalar dan seterusnya menyebabkan Itai hilang kelayakan sebagai pengganti ketua kampung.
8. **Peristiwa Amira menemui *mobile disk* di lantai gua.**
Peristiwa ini menarik kerana dapat membongkar misteri kehilangan Malique dan penemuan *mobile disk* ini dapat membantu memberitahu mereka di mana Malique berada.
9. **Profesor Zaidah tetap meneruskan kajian arkeologi walaupun ditentang Dr. Zawawi selepas Profesor Zaidah kemalangan.**
Peristiwa ini menarik kerana memperlihatkan ketegasan Profesor Zaidah dengan pendiriannya dan sikapnya yang tidak mudah putus asa.

(b) **Persoalan kasih sayang**

Berdasarkan novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah

1. **Kasih sayang anak terhadap bapa saudara**
Contohnya: Azfa Hanani sangat sayang akan pak long dan mak long yang telah banyak berjasa memeliharanya setelah ibu bapanya meninggal dalam kemalangan jalan raya.
2. **Kasih sayang anak terhadap ibu**
Contohnya, Tengku Mazran sanggup meminta bantuan Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni untuk meringankan kesedihan ibunya.
3. **Kasih sayang ibu terhadap anak**
Contohnya, Datin Maziah sanggup membeli sebuah jip baru untuk Tengku Murni sempena hari jadinya.
4. **Kasih sayang antara sahabat**
Contohnya, Azfa Hanani sanggup menyertai forum remaja untuk menggantikan Ellina yang sibuk membuat persiapan untuk Hari Sumbangsih.

5. Kasih sayang abang dengan adik

Contohnya, Abang Muzaffar meminta Azfa Hanani menghadiahkan bacaan Al-Quran untuk adiknya Tengku Murni yang telah meninggal dunia.

6. Kasih sayang antara saudara

Contohnya, Azfa Hanani sanggup berkorban menerima tawaran menyamar sebagai Tengku Murni kerana Abang Mazran berjanji untuk mengubati penyakit sepupunya Zuraini yang lumpuh.

(b) Persoalan kasih sayang

Berdasarkan novel Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir

1. Kasih sayang bapa kepada anak

Contohnya, Tau sanggup melarikan Malique dan menyembunyikannya di dalam bilik sempit di Gunung Gua Gajah kerana dia amat merindui anaknya Malique (Sabi) yang telah terpisah sejak kecil dilarikan oleh isterinya.

2. Kasih sayang anak terhadap ibu

Contohnya: Amira sanggup menolak cadangan ibunya untuk bercuti di rumah neneknya, semata-mata dia ingin menghabiskan cuti persekolahan bersama-sama ibunya di tapak arkeologi di Bukit Mat Raya.

3. Kasih sayang ibu terhadap anak

Contohnya: Profesor Zaidah sentiasa mengambil berat keperluan dan kebajikan anaknya walaupun sibuk dengan pekerjaannya.

4. Kasih sayang antara sahabat

Contohnya: Amira sanggup menghadapi pelbagai cabaran di dalam hutan untuk mencari kawannya Malique yang hilang.

5. Kasih sayang bapa saudara kepada anak saudara

Contohnya: Ludin sanggup memelihara anak saudaranya Itai kerana Tau mengasingkan diri.

6. Kasih sayang adik-beradik

Contohnya, Tau sanggup mengambil Ipah sebagai isteri agar Ludin mempunyai peluang untuk menjadi ketua kampung.

SKEMA JAWAPAN TAMAT